

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN**

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:**

- a. perincian mengenai pelaksanaan pindaan Caj Perkhidmatan Penumpang ke atas penumpang pemindahan melalui Malaysia mulai Jun 2024; dan
- b. unjuran kenaikan fi tahunan bagi caj pensijilan operasi lapangan terbang tahunan bermula tahun 2025 serta kesannya terhadap cukai penerbangan serta kos tiket penerbangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah memperkenalkan Caj Perkhidmatan Penumpang (*passenger service charge – PSC*) bagi Penumpang Pindahan (*PSC Transfer*) di semua lapangan terbang di Malaysia mulai dari 1 Jun 2024 hingga 31 Disember 2026 di bawah Tempoh Kawal Selia Pertama (RP1).
2. *PSC Transfer* ini merupakan satu caj yang dikenakan ke atas penumpang *transfer* yang bermaksud mana-mana penumpang yang, seperti yang dibuktikan oleh tiket tunggal, dijadualkan berlepas dari lapangan terbang di Malaysia dalam tempoh 24 jam dari masa ketibaan ke lapangan terbang domestik yang lain atau negara lain.
3. Caj ini menghendaki Penumpang Pindahan untuk menyumbang kepada kos infrastruktur lapangan terbang yang digunakan. Caj *PSC Transfer* ini dikutip oleh syarikat penerbangan semasa pembelian tiket dan dibayar kepada pengendali lapangan terbang selepas penerbangan selesai. Pengenalan kepada *PSC Transfer* ini di Malaysia ini adalah selaras dengan lapangan-lapangan terbang lain di Asia dan Eropah.
4. Penumpang Pindahan dikenakan *PSC Transfer* dengan kadar sebanyak RM7 sekiranya melalui lapangan terbang domestik kecuali Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (Johor), yang mengenakan caj RM10. Sebagai contoh, penumpang yang berasal dari Pulau Pinang dan mempunyai destinasi akhir di Jakarta, yang *transfer* melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA T1) akan dikenakan caj *PSC Transfer* domestik sebanyak RM7.
5. Manakala, Penumpang Pindahan yang berasal dari lapangan terbang antarabangsa yang menuju ke destinasi antarabangsa sebagai destinasi akhir, yang *transfer* melalui lapangan terbang domestik Malaysia, akan dikenakan caj *PSC Transfer* sebanyak RM42 jika melalui KLIA T1 dan RM29 jika melalui di KLIA T2 berserta lapangan terbang domestik Malaysia yang lain. Sebagai contoh, penumpang yang berasal dari Melbourne dan mempunyai destinasi akhir di London, yang *transfer*

melalui Terminal 1 KUL akan dikenakan caj *PSC Transfer* antarabangsa sebanyak RM42.

6. Pihak MAVCOM turut menyediakan maklumat perincian lanjut berhubung perkara ini untuk rujukan umum di laman sesawangnya iaitu [www.mavcom.my](http://www.mavcom.my).

Tuan Yang di-Pertua,

7. Unjuran kenaikan fi tahunan bagi caj pensijilan operasi lapangan terbang tahunan oleh pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), yang bakal bermula dari tahun 2025 sehingga tahun 2028 dijangkakan sebanyak 20 hingga 30 peratus.

8. Cadangan kenaikan ini adalah berdasarkan kajian dan syor pihak perunding yang telah dilantik oleh CAAM dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti kenaikan kos operasi, keperluan penambahbaikan infrastruktur serta perbandingan caj yang dikenakan di negara luar. Untuk makluman, fi tahunan bagi caj pensijilan operasi lapangan terbang ini tidak pernah disemak semula sejak tahun 2016.

9. Kenaikan fi dan caj ini dikenakan kepada pengendali lapangan terbang dan tidak melibatkan penumpang. Semakan semula fi dan caj ini telah pun dimaklumkan kepada pemegang taruh melalui beberapa sesi perbincangan sejak tahun 2023 dan pemakluman rasmi berkenaan fi dan caj tersebut telah dimaklumkan kepada pemegang taruh pada tahun April 2024.

10. Adalah dijangkakan bahawa kenaikan caj ini tidak akan memberi kesan kepada harga tiket penerbangan kerana ia tidak berkait secara langsung dengan kos operasi syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.